

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RPE 446 - Aspek-Aspek Sosial Dalam Perancangan Dan Pembangunan

Tarikh: 15 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari
(3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Bincangkan model-model perancangan sosial dan huraikan kelemahan-kelemahan mereka di dalam konteks negara-negara membangun.
(25 markah)
2. Petunjuk-petunjuk sosial merupakan sistem maklumat untuk merancang projek-projek. Bincangkan fungsi-fungsi petunjuk-petunjuk sosial semasa merancang dan membuat keputusan-keputusan tentang sesuatu projek.
(25 markah)
3. Bincangkan peranan perancangan sosial di dalam perancangan pembangunan di negara-negara Dunia Ketiga dan huraikan masalah-masalah yang dihadapi.
(25 markah)
4. Huraikan peranan ahli perancang sosial dari DUA daripada aktiviti-aktiviti di bawah ini:
 - a) Rancangan perumahan kos rendah
 - b) Perlaksanaan program pembangunan komuniti di kawasan desa

...2/-

- c) Merancang untuk perkhidmatan-perkhidmatan sosial;
- d) Merancang pemindahan semula penduduk-penduduk di kawasan bandar.

(25 markah)

5. Huraikan makna pembangunan. Bincangkan masalah-masalah teoritis dan operasi untuk memajukan petunjuk-petunjuk yang boleh digunakan di dalam analisis masalah pembangunan.

(25 markah)

6. Perancangan sosial hanya akan berjaya sekiranya ada penglibatan orang awam. Bincangkan kenyataan ini berpandukan kepada pengalaman-pengalaman penglibatan awam di negara-negara membangun.

(25 markah)

7. Mengapa proses penghijrahan desa ke bandar mempunyai makna yang penting di negara-negara Dunia Ketiga? Bagaimanakah analisis sosiologi boleh menolong ahli-ahli perancang untuk menghuraikan masalah-masalah yang dihadapi?

(25 markah)